

Membendung Gejala Pelajar Berisiko Tinggi Pada Awal Pengajian: Satu Pengalaman Di Institusi Pengajian Tinggi Awam

Mohd Yusop bin Ab.Hadi dan Dr.Jailani bin Mohd Yunos
Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan,
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn,
Batu Pahat, Johor

ABSTRAK

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (2002) menegaskan akan perlunya warga Malaysia menguasai ilmu bagi menangkis negara dimangsi. Ballantine, Jeanne H. (1997) menjelaskan fungsi pendidikan sebagai pembentuk ahli masyarakat yang produktif dan mewarisi budaya, penyebarkan budaya, mengawal sosial dan perkembangan sosial, menentukan pemilihan, latihan dan kedudukan individu dalam masyarakat dan menjadi media utama untuk melakukan perubahan dan pembaharuan. Penguasaan ilmu seseorang diukur daripada pencapaian mereka dalam peperiksaan yang ditetapkan oleh penyampai ilmu. Pembendungan kejadian pelajar berisiko atau pelajar-pelajar yang gagal dalam peperiksaan di institut pengajian tinggi perlu diberi perhatian serius terutamanya apabila didominasi oleh satu-satu kelompok identiti pelajar sebagai usaha untuk menambah bilangan rakyat Malaysia yang menguasai ilmu. Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn telah merancang dan melaksanakan program pembendungan gejala pelajar berisiko tinggi di peringkat awal pengajian dan ingin berkongsi pengalaman. Program ini dilaksanakan ke atas kumpulan pelajar-pelajar sulung Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional. Ianya lebih bersifat 'pencegahan' dan bukannya 'mengubati', dengan mengambilkira prosedur pembangunan sumber manusia. Didapati keputusan peperiksaan semester pertama semua pelajar ini mencapai tahap kedudukan baik dan membanggakan pihak fakulti dan jabatan.

1.0 Pengenalan

Pemimpin negara kita menyedari akan pentingnya rakyat menguasai ilmu pengetahuan sebagai tunggak utama untuk mencapai pembangunan negara dan membina kehidupan warga negara Malaysia yang sejahtera dan harmoni. Dalam perutusan sempena tahun baru 2002 Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad antara penekanan yang diutarakan oleh beliau kepada seluruh rakyat Malaysia ialah pentingnya rakyat menguasai ilmu untuk menangkis negara dimangsi dalam abad baru. Perdana Menteri menegaskan sebagai berikut;

'Rakyat Malaysia daripada semua kaum dan agama bukan sahaja boleh berbangga dengan keadaan yang terdapat di negara kita tetapi perlu menghargainya. Janganlah kita anggap kestabilan dan kemajuan negara kita adalah perkara biasa yang akan berterusan selama-lamanya tanpa apa-apa usaha oleh kita. Janganlah kita take for granted apa yang terdapat di negara kita.

Sesungguhnya keadaan di Malaysia dicapai melalui dasar, perancangan dan usaha yang mengambil kira sensitiviti kaum-kaum yang berlainan di negara ini, keadaan sumber manusia dan sumber alam, dan punca-punca kejayaan yang sedikit yang kita warisi.

Untuk meneruskan pembangunan dan ketahanan negara kita di zaman pengetahuan dan teknologi maklumat, usaha dibuat untuk meningkatkan penguasaan ilmu oleh semua rakyat kita. Kita amat kecewa kerana usaha mengimbangi penguasaan ilmu antara kaum tidak tercapai seperti yang dirancang oleh Dasar Ekonomi Baru.

Di zaman penjajah memang pun penjajah tidak mengutamakan pemikiran ilmu pengetahuan oleh penduduk wilayah yang dijajah oleh mereka. Lebih bodoh rakyat jajahan takluk mereka, lebih mudah penguasaan oleh mereka.'

Seterusnya beliau menegaskan bahawa usaha yang bersungguh-sungguh telah dan akan dilakukan oleh kerajaan untuk memberi ilmu pengetahuan kepada rakyat khususnya orang-orang Melayu yang dianggap masih ketinggalan dalam semua bidang. Beliau menegaskan hal ini sebagai;

'Apabila kita mencapai kemerdekaan kita telah tumpu kepada pembetulan keadaan ini. Sejak merdeka tidak kurang daripada 20 peratus Belanjawan Negara diperuntukkan kepada bidang pelajaran, penguasaan ilmu dan berbagai-bagai jenis latihan kemahiran. Sekolah, maktab dan universiti didirikan dan biasiswa disediakan. Di mana kemudahan dalam negara tidak ada, kita hantar penuntut kita ke luar negeri. Oleh kerana bumiputra jauh ketinggalan di belakang dalam pelajaran dan kemahiran, keutamaan yang tinggi diberi kepada kanak-kanak dan belia bumiputera untuk mempelajari apa juga ilmu yang diminati atau diperlukan oleh negara yang ingin membangun ini'

Penyampaian ilmu yang disusun melalui kurikulum pendidikan formal merupakan himpunan ilmu yang tiada had sempadannya. Kurikulum pendidikan akan berubah atau bertambah sekiranya masyarakat yang mengendalikan sistem pendidikan mempunyai rasional untuk menghasilkan sesuatu kurikulum yang baharu. Terdapat juga kurikulum yang sedia ada ditolak atau tidak diterima pakai apabila didapati telah tidak mempunyai kesesuaian dengan keperluan masyarakat. Pertambahan dan pengguguran isi pelajaran yang ditempatkan dalam kurikulum pendidikan formal sesuatu mata pelajaran adalah mengikut aspirasi masyarakat dan wawasan negara. Pendidikan akan bertindak sebagai jentera untuk memenuhi aspirasi dan wawasan ini. Ballantine, Jeanne H. (1997) telah menyenaraikan lima fungsi pendidikan dalam masyarakat iaitu sebagai

- Pembentuk ahli masyarakat yang produktif dan mewarisi budaya

- Penyebar budaya
- Pengawal sosial dan perkembangan sosial
- Pemilihan, latihan dan kedudukan individu dalam masyarakat
- Perubahan dan pembaharuan

Kesimpulannya bahawa kepentingan pendidikan seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri Malaysia dan Ballantine Jeanne sukar untuk dinafikan. Ini dapat dibuktikan dengan mengkaji dan meninjau perkembangan pendidikan di negara-negara yang telah mencapai status negara maju. Didapati sebahagian besar daripada kejayaan ini adalah dipengaruhi oleh sistem pendidikan formal negara berkenaan. Kerana menyedari hakikat ini pihak berwajib telah memperuntukkan wang yang banyak bagi menyediakan peluang-peluang pendidikan kepada rakyat.

Walau bagaimanapun setakat memberi peluang kepada rakyat untuk mengikuti program-program pendidikan sama ada di dalam dan di luar negara belum menjamin mereka ini dapat menguasai sepenuhnya ilmu yang dipelajari. Lazimnya ukuran untuk melihat sama ada seseorang telah menguasai atau sebaliknya ilmu yang dipelajari ialah melalui ujian atau peperiksaan. Sejauhmana pelajar-pelajar telah menguasai kurikulum yang disediakan untuk mereka akan terjawab hasil daripada penilaian yang dijalankan melalui peperiksaan atau pengujian ini. Penilaian yang menunjukkan mereka gagal dalam ujian ini memberi tafsiran bahawa mereka tidak menguasai ilmu yang dipelajari.

Mereka yang telah diberi peluang untuk mengikuti sesuatu program pendidikan tetapi gagal menguasai sepenuhnya ilmu berkenaan dikategorikan sebagai pelajar berisiko tinggi. Kejadian inilah yang membimbangkan banyak pihak terutamanya apabila ia berlaku di kalangan sesuatu kaum tertentu di Malaysia.

Kejadian pelajar berisiko mendatangkan banyak kesan negatif terhadap masyarakat dan negara. Selain daripada gagal menggunakan pendidikan sebagai alat untuk membantu negara membentuk ahli masyarakat yang produktif dan mewarisi budaya, menyebarkan budaya, mengawal dan merancang perkembangan sosial, menentukan pemilihan kerjaya, latihan dan kedudukan individu dalam masyarakat, serta membuat perubahan dan pembaharuan dalam masyarakat. Ballantine, Jeanne H. (1997), negara telah membazirkan wang yang banyak sedangkan peruntukan ini boleh disalurkan kepada pembiayaan projek-projek pembangunan yang lain.

Pelbagai sebab boleh dikaitkan sebagai faktor berlakunya gejala pelajar berisiko. Oleh kerana kejadian pelajar berisiko mendatangkan kerugian kepada masyarakat dan negara sesuatu program perlu dirancang dan dilaksanakan untuk membendung gejala pelajar berisiko tinggi khususnya di peringkat pengajian tinggi. Pencegahan yang sesuai dilaksanakan ialah di peringkat awal pengajian .

2.0 Kejadian Pelajar Berisiko Perlu Dibendung

Pembendungan kejadian pelajar-pelajar berisiko di institut pengajian tinggi bukan sahaja diharapkan oleh pihak universiti bahkan oleh banyak pihak.

Pencarian mengenai punca dan sebab serta pendekatan untuk mengatasi gejala ini sentiasa diberi keutamaan oleh pihak universiti. Baru-baru ini pula perbincangan secara meluas dilakukan untuk mengatasi kelemahan pelajar-pelajar Melayu di universiti khasnya mengenai gejala pelajar berisiko tinggi kerana data menunjukkan bilangan pelajar-pelajar Melayu yang menuntut di universiti lebih tinggi yang lemah atau gagal dan diberhentikan daripada meneruskan pengajian berbanding dengan pelajar-pelajar kaum yang lain.

Pencapaian akademik yang cemerlang memberikan banyak implikasi positif kepada pelajar, masyarakat, negara, agama malahan kepada dunia sejagat. Hakikat ini sukar disangkal, sebagai contoh bagi pelajar kejuruteraan yang mendapat kelulusan dengan pencapaian himpunan purata gred (CPA) 4.0 dengan pelajar yang mendapat kelulusan CPA 2.5, walaupun kedua-duanya mendapat ijazah kejuruteraan tetapi daripada angka ini menunjukkan terdapat perbezaan penguasaan ilmu di antara kedua-duanya. Ini bermakna apabila menjalankan tugas-tugas seorang jurutera, pelajar jurutera yang mendapat CPA 4.0 menguasai ilmu yang tinggi, beliau mampu menghadapi apa juga masalah berkaitan dengan kerjaya jurutera, di samping itu akan mampu membuat keputusan dengan lebih tepat dan berkesan.

Kerjaya yang bersifat profesional lebih memerlukan penjawat-penjawatnya menguasai ilmu yang tinggi semasa menuntut di universiti. Sesetengah badan profesioanal tidak hanya meletakkan syarat kecemerlangan akademik di peringkat universiti tetapi juga terlebih dahulu menapis kesahihan keputusan peperiksaan yang mereka capai dengan mengenakan syarat kepada mereka dengan menduduki peperiksaan khas yang dibina oleh badan professional berkenaan. Apabila lulus peperiksaan ini mereka dikatakan layak untuk menjadi seorang ahli professional. Menurut Apple dan Weis (1986) kemahiran-kemahiran teknikal dan vokasional harus diberikan kepada pelajar melalui sistem pendidikan bagi memenuhi pekerjaan dan kejayaan melaksanakan kerja oleh seseorang seseorang pada masa hadapan di mana persaingan untuk mendapatkan pekerjaan menjadi semakin sengit.

Pihak universiti telah mengenakan syarat-syarat tertentu bagi memastikan seseorang pelajar telah mencapai tahap penguasaan ilmu yang menyakinkan ia boleh menggunakan ilmu tersebut khususnya untuk melaksanakan sesuatu tugas kerjaya. Sebagai contoh Universiti Teknologi Malaysia telah menilai penguasaan ilmu di kalangan pelajar dengan memberi gred dalam pencapaian sesesuatu peperiksaan seperti yang diperihalkan oleh Zainai (1977) melalui RAJAH 1.

RAJAH 1: GRADE AND EXPECTED LEARNING OUTCOMES

GRADES	Equivalent points	Level of expectation on learning outcomes
A/A-	3.70 to 4.00	<i>High analytical ability, highly critical and excellently applies the concept/Clear and precise in presentation (both written & oral)/Evidence of widely use of reference materials and very effective in application of</i>

		<i>those materials/Ability to make a connection to a related area of knowledge beyond the explicit demand.</i>
B+ / B	3.00 to < 3.70	Evidence of critical assesment and apply the concept effectively/Good presentation (both written & oral)/Effectively use but only limited amount of reference/Relational in feature that is able to relate components together to make a case or a logical body of knowledge.
B- / C+	2.30 to < 3.00	The critical and analytical ability is not very clear/Use only limited amount of references but not effective/Discuss in general and the understanding of cocept is at surface/Evidence of seeking intergration between components and between tasks, and start plying with ideas.
C / C-	1.7 to < 1.70	<i>Do things because it is necessary to do so/Not systematic and less detils/All discussions are in general/The answer to question is list-like, containing a number of memorized unconnected items.</i>
D+	1.3 to < 1.70	Do it because it is very necessary/Narrow in concept/Always discuss things in general and it is not clear. It is at surface learning.
D / E	< 1.30	<i>No sign of understanding/Evidence of very minimum effort (if any at all)/Reveal no correct knowledge about the subject</i>

(Sumber: Zainai B Mohamed, "A Market Driven Engineering Curriculum - Analysis", Quality Council Workshop, UTM, 25 Oktober 1997)

Berdasarkan kepada pernyataan di atas menunjukkan pelajar-pelajar yang mencapai gred A dalam sesuatu sistem penilaian adalah pelajar yang berjaya menguasai sebahagian besar daripada ilmu yang dipelajari dan mampu menggunakan ilmu tersebut untuk memenuhi aspirasi negara dan masyarakat. Pelajar yang mendapat gred A dalam peperiksaan adalah pelajar yang disahkan sebagai pelajar yang

- *mempunyai kebolehan menganalitik yang tinggi.*
- *mampu melaksanakan sesuatu konsep dengan cemerlang dan kritikal.*
- *mampu menyampaikan sesuatu maklumat dengan jelas dan tepat melalui penulisan atau pertuturan.*
- *mempunyai keupayaan yang tinggi untuk menggunakan bahan-bahan rujukan secara meluas dan berkesan.*
- *mempunyai kebolehan untuk menghubungkan kesesuaian pengetahuan yang berkaitan dengan situasi bermasalah dan tidak menghadkan pengaplikasian ilmu kepada keperluan yang eksplisit sahaja.*

Sebaliknya pelajar-pelajar yang gagal menguasai ilmu yang dipelajari atau dengan kata lain mereka ini mendapat gred D atau E hasil daripada ujian dalam sistem penilaian adalah mereka yang

- tidak dapat menunjukkan bukti bahawa mereka memahami ilmu yang dipelajari.
- terlalu sedikit menguasai ilmu berkenaan sehingga tidak mampu menggunakannya untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.
- memberi penjelasan yang salah mengenai ilmu yang dipelajari apabila diminta berbuat demikian.

Pebagai sebab boleh dikaitkan dengan kegagalan dan pencapaian cemerlang pelajar-pelajar dalam peperiksaan pengajian di universiti. Secara umumnya pencapaian akademik pelajar dipengaruhi oleh faktor baka dan faktor persekitaran. Mengikut Ernest R.Hilgard (1978) baka merupakan ciri-ciri biologi yang diturunkan oleh ibu dan bapa kepada anak-anaknya melalui gen. Mengikut Norman L.Munn (1969) persekitaran adalah segala benda yang terdapat di sekeliling unit-unit kebakaan.

Pihak-pihak universiti yang telah melaksanakan program pencegahan gejala pelajar berisiko dan menunjukkan kesan yang positif terhadap pengurangan kejadian pelajar berisiko adalah disarankan supaya berkongsi kepakaran dengan universiti-universiti yang lain. Kepakaran yang sesuai sekiranya dilaksanakan di lain-lain tempat akan dapat membantu negara mencapai bilangan sumber manusia yang diperlukan oleh negara sama ada ahli-ahli profesional, separa professional atau pekerja-pekerja mahir.

3.0 Pembendungan Gejala Pelajar Berisiko Dibendung Pada Awal Pengajian

Persoalan yang timbul bilakah langkah untuk membendung gejala pelajar berisiko sesuai dilaksanakan. Adakah ianya sesuai dijalankan di awal pengajian atau dijalankan setelah terdapat pelajar-pelajar terjebak dengan gejala pelajar berisiko. Dalam konteks program pelajar-pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, oleh kerana mereka ini merupakan kumpulan pertama program ini, yang sebelum ini tiada lagi pelajar-pelajar yang berpengalaman menduduki sebarang bentuk penilaian di universiti maka adalah dirasakan perlu pembendungan ini dilakukan di peringkat awal pengajian. Ini sesuai dengan peribahasa yang berbunyi 'Mencegah itu lebih baik daripada mengubati'.

Meninjau sepintas lalu kepada beberapa keputusan peperiksaan semester yang lalu didapati terdapat sebilangan pelajar yang mendapat keputusan peperiksaan yang mengecewakan dan terpaksa diberhentikan daripada meneruskan pengajian kerana keputusan peperiksaan yang dicapai tidak memenuhi syarat yang

ditetapkan oleh pihak universiti. Sekiranya pelajar ini diberi bimbingan belajar yang diperingkat awal kemungkinan keputusan peperiksaan mereka lebih baik daripada keputusan yang diterima.

Pembendungan gejala pelajar berisiko di peringkat awal pengajian perlu dilakukan kerana kegagalan pelajar dalam pengajian bukan hanya dipengaruhi oleh kelemahan dan kecuaian pelajar tetapi mungkin juga dipengaruhi oleh faktor-faktor di luar kemampuan pelajar untuk menanganinya. Mengikut Grow dan Crow (1983), faktor yang mempengaruhi pembelajaran pelajar ialah;

- Sikap terhadap pengajian: Sikap pelajar terhadap pelajaran saling berkaitan dengan pengalaman belajar yang dilalui oleh pelajar. Sekiranya pengalaman belajar yang dilalui mampu menimbulkan rasa gembira dan menyenangkan dalam diri pelajar, maka akan terbit sikap positif terhadap pelajaran dan ianya menjadi pendorong kepada pelajar untuk meneruskan pembelajaran. Sebaliknya jika pengalaman pahit yang dirasakan dalam masa mengikuti proses pembelajaran, pelajar mempunyai tendensi untuk mengelak daripada meneruskan pembelajaran. Pelajar yang berjaya dalam bidang akademik biasanya mempunyai sikap positif terhadap pelajaran, merasa rugi apabila menghabiskan masa dan tenaga tanpa menghasilkan sesuatu yang berfaedah dan sentiasa merancang untuk memenuhi masa dengan perkara-perkara yang mendatangkan faedah.
- Memberi perhatian kepada tugas yang diberi: Ini bermakna pelajar berupaya untuk menganalisis situasi tugas yang perlu diselesaikan dan mampu menggunakan bahan yang dipelajari untuk menyiapkan tugas ini. Pelajar seharusnya berkebolehan untuk memilih dan menyesuaikan sumber-sumber ilmu yang ada pada diri dan di sekeliling untuk digunakan dalam menyelesaikan tugas yang diberi, di samping itu mereka boleh menolong pelajar lain menyelesaikan masalah yang sama. Sehubungan dengan ini lazimnya pelajar akan menjadi lebih mudah untuk memberi tumpuan perhatian kepada pengajaran guru sekiranya matlamat yang ingin dicapai tidak terlalu sukar dan kuantiti ilmu yang disampaikan kepada mereka tidak terlalu banyak dalam satu-satu masa pengajaran. Selain daripada itu kebolehan pelajar yang tidak selari dengan kehendak aktiviti pembelajaran akan menjadi pengganggu kepada konsentrasi mereka terhadap proses pengajaran.
- Kelesuan dalam masa belajar: Kelesuan boleh dialami oleh pelajar dalam masa mengikuti proses pembelajaran. Kejadian lesu dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti penggunaan tenaga yang banyak untuk berfikir bagi memahami sesuatu konsep pelajaran yang baru dipelajari, masa yang digunakan untuk mengikuti pengajaran agak panjang daripada penilaian pelajar, suasana persekitaran tempat belajar kurang menyenangkan, kekurangan cahaya yang sesuai untuk situasi belajar, keadaan suhu atau kelembapan yang tidak dapat diterima oleh pelajar, keadaan fizikal dan mental yang lemah, perawakan yang lemah disebabkan oleh keadaan fizikal yang tidak

normal, emosi yang terganggu, dan kebosanan terhadap aktiviti pembelajaran. Sikap bersemangat terhadap perkara yang sedang dilakukan, minat dalam penguasaan isi pelajaran, dan keinginan untuk mencapai kejayaan dapat melambatkan berlakunya kelesuan dalam diri seseorang. Ini bermakna seorang pelajar mampu belajar dalam jangka masa yang panjang jika diberi masa yang cukup untuk berehat. Pelajar memerlukan pelbagai aktiviti pembelajaran. Ini kerana kelesuan mungkin timbul apabila seseorang pelajar menyertai kegiatan belajar yang bertentangan dengan kemahuannya. Namun begitu keadaan kelesuan dalam masa belajar dapat dihindari jika pelajar berjaya memupuk minat yang tinggi untuk mencapai kejayaan dalam pembelajaran.

- Tidak mampu mengatasi konsentrasi belajar: Individu berasa bahawa dia tidak mampu untuk memberi tumpuan terhadap pengajaran. Kuasa dalam diri tidak mencukupi untuk melawan faktor yang menyebabkan penumpuannya terganggu. Ini mungkin disebabkan oleh pelajar telah membina minat negatif terhadap pelajaran. Akibatnya pelajar gagal untuk membina pertahanan dalam diri lalu membiarkan dirinya diganggu oleh rangsang yang lebih menarik ada di sekelilingnya.

Pembendungan gejala pelajar berisiko melalui program-program yang dirancang dengan sistematik di peringkat awal pengajian membimbing pelajar-pelajar dengan kaedah belajar di universiti yang agak berbeza dengan kaedah belajar di peringkat persekolahan. Program-program seperti ini akan dapat membolehkan pelajar-pelajar menggunakan potensi diri untuk berjaya dengan cemerlang di peringkat pengajian IPT.


4.0 Merancang Pengisian Program Pembendungan Gejala Pelajar Berisiko Tinggi

Pengisian program pembendungan gejala pelajar berisiko di peringkat awal pengajian dirancang secara sistematik dan berhati-hati untuk mencapai matlamat dan objektif yang diharapkan. Proses merancang dan seterusnya melaksanakan program mengambilkira pendekatan yang sistematik merancang dan melaksana program latihan pembangunan sumber manusia. Lazimnya sesuatu latihan yang berkesan akan mengambil langkah-langkah pelaksanaan seperti yang ditunjukkan dalam RAJAH 2.

4.1 Perancangan dan Pelaksanaan Program Pembendungan Gejala Pelajar Berisiko Di Peringkat Awal Pengajian Satu Pengalaman Di IPT.

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) merupakan salah sebuah daripada institusi pengajian tinggi awam yang diberi tanggungjawab untuk mendidik dan melahirkan para pendidik dalam bidang teknik dan vokasional. Di sini tanggungjawab ini diamanahkan kepada Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, di bawah

RAJAH 2: LANGKAH PEMBENDUNGAN GEJALA PELAJAR BERISIKO TINGGI



pengurusan dan pentadbiran Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Mulai sesi pengajian Mei 2001/2002 KUiTTHO telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memulakan pengajian sesi pertama program Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional. Seramai 57 pelajar telah diambil untuk mengikuti program ini.

Sebagai memenuhi amanah untuk melahirkan guru-guru yang berkecakupan dan berkebolehan bukan sahaja dari aspek penguasaan ilmu tetapi juga sahsiah dan iktisas, KUiTTHO ingin melihat pelajar-pelajar yang mengikuti program ini mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan universiti. Ini kerana keputusan yang baik dalam peperiksaan merupakan indikator awal bahawa pelajar-pelajar ini mempunyai peluang yang luas untuk menjadi seorang penjawat awam profesion perguruan yang akan komited dengan tugas-tugas perguruan.

Lantaran bilangan pelajar-pelajar yang diambil bagi mengikuti program Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional ini adalah sebahagian daripada usaha untuk memenuhi keperluan guru-guru dalam bidang teknik dan vokasional, jika berlaku pelajar-pelajar berisiko tinggi maka usaha untuk mengisi kekosongan sumber tenaga pendidik dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional akan terjejas. Jika berlaku keciciran di sepanjang pengajian disebabkan kegagalan pelajar dalam peperiksaan dan diberhentikan untuk meneruskan pengajian sehingga tamat juga akan merugikan pihak penaja khususnya pelajar-pelajar yang ditaja oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bertitik tolak daripada ini Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, Fakulti Kejuruteraan Teknologi, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, telah merancang dan melaksanakan program pembendungan gejala pelajar berisiko di kalangan pelajar-pelajar kumpulan pertama program Bachelo Pendidikan Teknik dan Vokasional ini.

Selain daripada bertujuan untuk membendung berlakunya pelajar-pelajar berisiko di kalangan bakal-bakal guru, program ini bertujuan untuk membina budaya mencintai profesion perguruan dan pembinaan nilai-nilai professional guru yang diharapkan oleh negara.

Usaha ini perlu dilaksanakan memandangkan pelajar-pelajar ini adalah tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Kegagalan memastikan pelajar-pelajar ini berjaya dengan cemerlang dalam pengajian secara tidak langsung akan menjejaskan tercapainya perancangan kerajaan untuk memajukan bidang pendidikan yang bertanggungjawab kepada membangunkan negara. Sebaliknya jika pelajar berjaya dengan cemerlang mereka mempunyai potensi menjadi seorang guru yang juga cemerlang dalam bidang kerjaya perguruan.

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional telah merancang program pembendungan dengan berpandukan langkah pelaksanaan pembangunan manusia dalam RAJAH 2.

Program ini dijalankan selama dua hari dua malam yang diadakan di luar kampus pengajian. Ia dijalankan pada minggu kedua semester satu selepas pelajar-pelajar selesai mengikuti program Minggu Haluan Siswa.

Program ini dilaksanakan dalam bentuk kursus. Untuk mencapai matlamat pembendungan kejadian pelajar berisiko, Ahli Jawatankuasa program telah membentuk objektif program seperti berikut;

Pada akhir program ini peserta-peserta kursus akan dapat

- i. Meningkatkan motivasi dan semangat belajar untuk menghadapi cabaran kehidupan sebagai pelajar universiti yang cemerlang .
- ii. Penjelasan dan latihan berkaitan dengan kaedah pembelajaran yang berkesan untuk menjadi pelajar universiti yang cemerlang .
- iii. Penjelasan dan pengetahuan berkaitan dengan pemakanan seimbang yang diperlukan oleh otak manusia untuk melalui proses pembelajaran.
- iv. Penjelasan mengenai senario kehidupan dan cabaran masa hadapan selepas tamat pengajian dan persiapan yang perlu dilakukan bagi menghadapinya.

Bagi mencapai objektif ini empat modul latihan telah dihasilkan dan dilaksanakan dalam kursus ini iaitu:

a) Modul Peningkatan Motivasi Pelajar

Modul Peningkatan Motivasi Pelajar mengandungi input-input mengenai misi dan visi KUiTTHO, ciri-ciri dan falsafah orang yang berjaya dalam kehidupan, perlakuan dan amalan hidup pelajar yang mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang akademik, tingkah laku dan amalan hidup pelajar-pelajar yang gagal dalam bidang akademik, dan membina keazaman dalam diri pelajar untuk menjadi pelajar yang cemerlang.

b) Modul Pembelajaran Berkesan

Modul Pembelajaran Berkesan mengandungi bahan-bahan yang mempunyai kebarangkalian tinggi membimbing pelajar-pelajar supaya dapat mengikuti sesuatu proses pembelajaran dengan berkesan. Input kepada modul ini ialah persediaan-persediaan awal yang perlu dilakukan oleh pelajar sebelum mengikuti proses pembelajaran, penggunaan Teknik Belajar SQ3R untuk mempelajari ilmu baru, mengulangkaji pelajaran dan menyiapkan tugas.

Modul Pembelajaran Berkesan juga membimbing pelajar dengan teknik mencatat nota bahan-bahan kuliah dan bahan-bahan bacaan, mencadangkan tempat yang selesa dan berkesan untuk belajar, dan penggunaan teknik pembayang sebagai kaedah untuk mengulangkaji pelajaran semasa bersenggang.

c) Modul Meningkatkan Keupayaan Mengingat

Modul Meningkatkan Keupayaan Mengingat membimbing pelajar menggunakan kaedah mengingat yang lazim dilakukan dalam kehidupan seharian bagi tujuan untuk mengingati isi pelajaran, pengurusan masa seharian seseorang pelajar

pendidikan tinggi yang dapat menyumbang kepada peningkatan daya ingatan terhadap bahan-bahan pelajaran, penstabilan emosi dan kaitannya dengan keupayaan mengingat, jenis permakanan yang mempengaruhi kecemerlangan otak dan minda, dan kaedah menulis nota bagi memudahkan berlakunya proses mengingat.

Modul Meningkatkan Keupayaan Mengingat juga secara langsung dalam kursus ini melatih pelajar menyimpan maklumat dalam bentuk ingatan.

d) Personaliti Pelajar Yang Cemerlang

Modul Pelajar Yang Cemerlang memberi bimbingan kepada pelajar-pelajar untuk membina kemahiran berkomunikasi yang berkesan. Ia bertujuan supaya pelajar-pelajar mampu berkomunikasi dengan sesiapa sahaja yang dapat menyumbang kepada kemajuan akademik mereka. Mereka harus dapat membezakan cara berkomunikasi di antara pelajar dengan pelajar, pelajar dengan rakan sebaya, pelajar dengan staf bukan akademik universiti, pelajar dengan pensyarah, dan pelajar dengan Ketua Jabatan, Dekan atau Rektor.

Pelajar-pelajar juga diberi panduan bagaimana membentuk personaliti dan penampilan diri yang sesuai sebagai seorang pelajar semasa berada di bilik kuliah, di perpustakaan, dan di lain-lain tempat dalam persekitaran atau di luar persekitaran kampus. Mereka juga diberi kesedaran tentang terdapatnya hubungan kait di antara personaliti dan penampilan diri pelajar dengan pencapaian akademik mereka.

4.1.1 Kaedah Penyampaian Kursus

Kaedah penyampaian kursus adalah berbentuk ceramah, bengkel dan latihan dalam kumpulan. Keberkesanan penyampaian kursus dilihat daripada soal selidik yang diberikan kepada pelajar-pelajar pada akhir kursus. Didapati sebilangan besar daripada pelajar-pelajar menyatakan bahawa mereka memahami dan mampu melaksanakan input-iniut yang diterima dalam kursus.

4.2. Keberkesanan Kursus

Jawatankuasa penganjur Program Pembendungan Pelajar Berisiko tidak mempunyai alat khusus untuk menentukan keberkesanan kursus ini. Ahli Jawatankuasa mengharapkan agar pelajar-pelajar dapat mengikuti kursus ini hingga tamat dan mampu mengamalkan input-input ilmu yang diterima. Seterusnya mereka akan dapat mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan universiti khususnya dalam penilaian melalui peperiksaan Semester Pertama.

Jawatankuasa penganjur Program Pembendungan Pelajar Berisiko mendapati secara keseluruhannya keputusan peperiksaan Peperiksaan Semester Pertama

yang dicapai oleh pelajar-pelajar mencapai tahap kedudukan baik dan membanggakan pihak fakulti dan jabatan.

Keputusan Peperiksaan Semester Pertama pelajar-pelajar ini ditunjukkan dalam JADUAL 1

JADUAL 1: Analisis Taraf Kedudukan Akademik Bagi Keputusan Peperiksaan Sarjana Muda

Pendidikan Teknik dan Vokasional

TARAF KEDUDUKAN	Himpunan Purata Mata (CPA)	BIL	PERATUS
KEDUDUKAN BAIK (KB)	2.00 – 4.00	57	100
KEDUDUKAN BERSYARAT (KS)	1.70 – 2.00	0	0
KEDUDUKAN GAGAL (KG)	<1.70	0	0

Mengikut analisis pencapaian pelajar-pelajar dalam peperiksaan ini, Himpunan Purata Mata (CPA) pencapaian tertinggi pelajar ialah 3.86 dan CPA pencapaian yang paling rendah ialah 2.52. Bilangan pencapaian akademik pelajar-pelajar mengikut kelas ditunjukkan dalam JADUAL 2.

JADUAL 2: Pencapaian Akademik Bagi Keputusan Peperiksaan Semester Pertama Program Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional Pendidikan Teknik dan Vokasional Semester 01/02 Mengikut Kelas

KELAS/CPA	BIL	PERATUS
KELAS PERTAMA (3.7 – 4.00)	6	10.5
KELAS KEDUA TINGGI (3.00 – 3.70)	33	57.9
KELAS KEDUA RENDAH (2.70 – 3.00)	12	21.1
KELAS KETIGA (2.00 – 2.70)	6	10.5
JUMLAH	57	100

4.2 Tindak susul program pembendungan gejala pelajar berisiko

Prestasi pencapaian akademik pelajar-pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional masih boleh diperbaiki lagi kualitinya. Jabatan Pendidikan

Teknik dan Vokasional mempunyai harapan yang tinggi untuk meramaikan lagi pelajar-pelajar yang mencapai keputusan peperiksaan kelas kedua dan kelas pertama atau yang mencapai CPA di antara 3.00 hingga 4.00. Lanjutan daripada itu sekali lagi kursus yang bermotifkan pembendungan gejala pelajar berisiko diadakan pada 10 November 2001 iaitu seminggu selepas semester kedua bermula. Program ini dinamakan sebagai 'Program Pengayaan Akademik Pelajar-pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional KUiTTHO'. Objektif kepada program ini ialah untuk membimbing pelajar supaya dapat memperbaiki kelemahan pencapaian keputusan peperiksaan semester lalu dan membina tekad serta semangat pelajar-pelajar untuk mencapai keputusan peperiksaan yang lebih cemerlang dalam peperiksaan akan datang.

5.0 Penutup

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional sentiasa membina tekad untuk melahirkan guru-guru yang berkualiti dan mampu menyaingi dan memenuhi perubahan pendidikan dari masa ke semasa. Ini bermakna pelajar-pelajar seharusnya menguasai ilmu seberapa banyak yang boleh khususnya ilmu yang berkaitan dengan profesion perguruan. Untuk mencapai hasrat ini program-program mencegah berlakunya kejadian pelajar berisiko akan dilaksanakan dari masa ke semasa.

Rujukan

Apple, Michael W., dan Lois Weis "Seeing Education Relationally: The Stratification of Culture and People in the Sociology of School Knowledge," **Journal of Education**, Vol. 168, No. 1, 1986.

Ballantine, Jeanne H. (1997). **The Sociology of Education A Systematic Analysis** 4th. New Jersey:Prentice, Inc.

Drever, J. (1965) **A Dictionary of Psychology**. 2nd. Middlesex: Pengiune Books Inc.

Dr.Mahathir bin Mohamad.Tangkis Dimangsai Abad Baru. Utusan Malaysia Selasa 1 Januari 2002.

Finch, Curtis R dan Crunkilton JohnR. (1999) **Curriculum Development in Vocational and Technical Education. Planning, content, and Implementation** 5th ed. Boston:Allyn Bacon

Hilgard, E.R., Atkinson, R.C.(1978) **Introduction to Psychology**, Harcourt Brace Jovanovich, Inc., Boston.

Lester D.Grow dan Alice Crow (1983), **Educational Psychology**, Lintton Educational Publishing International, Inc.,

Maimunah Aminuddin (1992). **Human Resource Management**. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn.Bhd.

Munn, N.L., Fernald, L.D, dan Fernald, P.S (1969) , **Introduction to Psychology**, 2nd.ed Boston:Houghton Mifflin Co.

Robert, Roy W. (1971). **Vocational and Practical Arts Education**. New York: Harper and Row.

Sylvia Ashton Warner (1963) dalam Woolfolk Anita E. (1990) **Educational Psychology** 4th ed. Massachusetts: Allyn and Bacon.Inc.

Vidler, D.C. (1977) **Motivation In Education**. New York: Academic Press.
Woolfolk Anita E. (1990) **Educational Psychology** 4th ed. Massachusetts: Allyn and Bacon.Inc.

Biodata Penulis:

Nama: Mohd Yusop bin Ab.Hadi
Jawatan sekarang: Pensyarah
Tempat bertugas: Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn,
86400 Parit Raja Batu Pahat Johor.
No.Telefon: 07-4536816 (bilik pensyarah)
No.Fax: 07-4536060
Alamat e-mail: yusop@ittho.utm.my

Nama: Dr. Jailani bin Mohd Yunos
Jawatan sekarang: Pensyarah dan Ketua Jabatan, Jabatan Pendidikan Pendidikan Teknik dan Vokasional, Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Batu Pahat.Pensyarah DS2
Tempat bertugas: Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn,
86400 Parit Raja Batu Pahat Johor.
No.Telefon: 07-4536509 (bilik pensyarah)
No.Fax: 07-4536060

[PROCEEDINGS](#)